

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 10/11/2021

Edisi / Muka Surat : Nasional / 16

Tajuk : Hanya 500 daripada 10,000 masjid potensi jadi koperasi

## Hanya 500 daripada 10,000 masjid potensi jadi koperasi



ABDUL FATTAH (kiri) merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Kariah Masjid Kampung Lubuk Kulit di Lipis semalam.

**LIPIS** - Usaha menubuhkan koperasi kariah masjid perlu terus diperhebat memandangkan hanya 500 daripada 10,000 masjid dan surau berpotensi yang telah menubuhkan koperasi kariah masjid setakat ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu penting memandangkan koperasi kariah masjid merupakan platform terbaik dalam membangunkan ekonomi umat Islam sekali gus mengembalikan kegemilangan institusi masjid.

"Kita lihat kalau ini (koperasi kariah masjid) dapat dibuat kita bukan sahaja dapat penglibatan serius masyarakat Islam menerusi platform koperasi kariah masjid untuk membangunkan ekonomi setempat tetapi juga memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

"Selain itu kita lihat koperasi ini merupakan platform terbaik bagi kita mewujudkan rangkaian bagi memasarkan produk-produk halal dan dalam masa yang sama kita boleh jadi pengeluar barang halal khususnya untuk masyarakat Islam," katanya

selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Masjid Kampung Lubuk Kulit semalam.

Menurut Abdul Fattah, koperasi kariah masjid yang terdapat pada masa ini dilihat amat signifikan dan praktikal seterusnya mampu menjana pendapatan kepada ahli terlibat.

Beliau berkata, antara kegiatan ekonomi yang melibatkan koperasi kariah masjid pada masa ini termasuklah kedai runcit, pusat dialisis, kios, taska, pusat tuisyen dan sebagainya yang memberikan kemudahan kepada orang ramai.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA